

## PERADABAN MELAYU & HUBUNGAN ANTARABANGSA

### Pengantar

**Kemuskilan 1:** Kertas ini ditulis sebagai *Naratif* seorang *layman*; bukan sebagai tulisan ilmiah oleh ahli atau siswa sejarah. Yang dibawa disini adalah kesan daripada bacaan dalam berbagai bentuk ilmu yang terbaca, serta pengalaman sendiri; itu pun dengan cara yang amat terbatas.

**Kemuskilan 2 :** *Naratif* ini adalah imbasan ringkas; biar pun ruang-lingkupnya berkisar daripada zaman purba hingga ke zaman morden ini. *Naratif* kadang kala dibuat secara bersahaja.

### Maksud Perkataan yang digunakan

Dalam *Naratif* ini, beberapa perkataan, atau istilah, digunakan dengan erti yang mungkin berbeza daripada yang lazim dimaksudkan.

**Melayu :** Perkataan ini merujuk kepada keturunan suku kaum yang menamakan diri mereka 'Melayu' bermula di lembangan Sungai Musi di Sumatra pada permulaan zaman Srivijaya dari abad ke-3 AD. Pada zaman itu, kaum ini dikatakan memegang kepercayaan animis dan Hindu-Budha. Bangsa Melayu terbentuk apabila Kerajaan Srivijaya berkuasa, dan rakyat jelata dibawah kuasanya tergabung menjadi suatu kerukunan *Bangsa Melayu*. Suku kaum yang termasuk dalam kerukunan Bangsa Melayu itu masih mengekalkan nama kedaerahan masing-masing, seperti Minangkabau, Aceh, Jawa, dll. Budaya, bahasa, dan pandangan hidup yang dipegang bersama oleh kaum-kaum serumpun ini adalah inti-pati kepada semangat penyatuan kebangsaan Melayu. Hanya setelah kaum-kaum dalam Bangsa Melayu mengenal agama Islam mulai abad ke-11 AD, barulah nilai-nilai kebangsaan serta budaya dan pandangan hidup mereka mengambil corak baru berasaskan kepercayaan dan kerukunan Islam.

Kecenderungan demikian bertambah kuat apabila Raja dan kuasa negeri dipegang oleh mereka yang beragama Islam didahului oleh orang-orang Pasai, Demak, Melaka, Brunei, Sulu, dll.

Penjajahan kuasa Barat di Gugusan Kepulauan Melayu mulai abad ke-16 telah memecah-belah "*kesatuan dalam kepelbagaian*" Bangsa Melayu di Nusantara kepada taklukan 4 kuasa, ia-itu Portugis, Belanda, Inggeris, dan Sepanyol. Mereka membawa susunan nilai-nilai kenegaraan yang baru yang berasaskan kepercayaan Kristian, dan doktrin perdagangan (merchantilisma) yang memperhamba akan manusia bagi faedah keuntungan kebendaan.

Doktrin demikian telah dijadikan alat penaklukan kuasa Barat keatas minda Bangsa Melayu. Maka timbullah penolakan doktrin tersebut dengan tafsiran baru bahawa orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu adalah mereka yang berketurunan Melayu yang beragama Islam, dan suku yang lain yang bukan Islam dijeniskan sebagai Bumiputra atau Peribumi sahaja, biar pun mereka berasal daripada rumpun Bangsa yang sama. Bagaimana pun, dalam Naratif ini Bangsa Melayu membawa pengertian bahawa dimana pun orang rumpun Melayu in berada ( di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, atau di Filipina, dll ), mereka dianggap termasuk dalam himpunan Bangsa Melayu. Maka itu jumlah Bangsa Melayu di Gugusan Kepulauan Melayu/Nusantara sekarang, melebihi 500 juta orang.

**Peradaban :** Perkataan ini digunakan bagi membawa maksud himpunan dan "*umbayaan segala nilai-nilai, serta amalan, yang diasuh oleh masyarakat rumpun Bangsa Melayu yang membezakan mereka daripada Bangsa lain*". Nilai-nilai demikian adalah hasil daripada percambahan minda yang didorong oleh pengalaman hidup Bangsa Melayu dari zaman ke zaman bagi menyesuaikan diri mereka kepada keseluruhan alam persekitaran, serta hubungan dengan Bangsa lain. *Naratif* ini lebih memberikan perhatian kepada pandangan hidup (Worldview) mereka,

iaitu himpunan sikap dan susila yang diamalkan yang membawa maruah serta mertabat yang unik kepada rumpun Bangsa Melayu.

**Tamadun :** Perkataan ini sengaja tidak digunakan kerana keadaan alam dalam Gugusan Kepulauan Melayu tidak serupa dan selari dengan perkembangan minda dan susila yang dialami oleh Bangsa-Bangsa lain didunia ini, seperti pendapat yang diutarakan oleh Ibn Khaldun dalam Muqaddimah, dan oleh ilmuan yang lain. Peradaban Melayu timbul sebelum lahirnya pengumpulan pusat-pusat perdagangan atau pusat-pusat penguasaan madani seperti halnya dengan peradaban yang lain. Sebagai sebuah *Peradaban Kepulauan*, Peradaban Melayu juga bukan sebuah *thelassocracy*.

**Gugusan Kepulauan Melayu :** [The Malay Archipelago] adalah kelompok pulau-pulau di Asia Tenggara, termasuk Semenanjung Tanah Melayu dan lautan, serta selat-selat diantaranya. Gugusan pulau pulau ini diberi nama demikian kerana kesemuanya didiami oleh masyarakat yang mempunyai sifat serumpun , seperti susuk badan dan ruak muka, berbudaya, dan bahasa yang sama, serta mempunyai pandangan hidup (Worldview) dan susila yang sama. Mereka mempunyai keturunan (DNA) yang serupa.

Pada zaman sekarang, Gugusan Kepulauan Melayu termasuk wilayah Negara Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei dan Singapura. Gugusan ini adalah suatu benua yang stabil, tetapi dikelingi oleh benua yang tidak stabil dengan gerak dan gempa bumi sepanjang zaman.

Gugusan Kepulauan ini melangkah katulistiwa, kira-kira 5 darjah ke utar dan selatan. Udaranya panas dan hujan turun hampir sepanjang tahun. Keadaan panas-lembab itu telah menjadikan Gugusan Kepulauan Melayu suatu semaian yang amat kaya bagi kehidupan diatas darat dan dalam lautan.

Gugusan Kepulauan Melayu ini pula terdedah kepada aliran angin dan perairan yang unik. Badai musim sejuk menghembus angin kencang dan hawa sejuk dari timur laut, dan berputar di Kepulauan Melayu. Pada awal tahun badai panas melanda kepulauan

ini dari arah barat laut. Demikianlah halnya tahun demi tahun. Maka timbulah persekitaran dan keadaan alam pelbagai haiwan dan tumbuhan yang amat kaya, yang tiada tandingnya dalam dunia ini.

**Peradaban Gugusan Kepulauan** : Maka biaklah, dan terbinalah masyarakat serumpun di zaman purba yang berkongsi pengalaman dan pandangan hidup yang serupa; dan mereka bersama membina satu-satunya *Peradaban Kepulauan* yang unggul dan unggul di dunia ini.

Tidak jelas samada peradaban kepulauan ini mempunyai nama gelaran tersendiri. Konsep kenegaraan dalam Peradaban Melayu hanya diberi gelaran *Tanah-Air*, yang membawa maksud bahawa lapangan hidup masyarakat itu berkisar pada pulau yang dikelilingi oleh air, i.e. pulau serta lautannya. Tetapi konsep Negeri telah disebut dalam prasasti Kedukan Bukit dalam abad ke-6 AD, dan kenegaraan Nusantara telah disebut pada zaman Ken Anggrok dalam abad ke-4 AD.

**Nusantara** : Bagaimana pun perkataan ini digunakan sebagai konsep kenegaraan di kepulauan ini pada awal tahun Masehi untuk menandakan tanah jajahan Majapahit. Sedangkan penjelajahan Srivijaya didalam gugusan kepulauan ini lebih awal daripada itu, dan nama kebangsaan yang dibawa oleh Kerajaan Srivijaya adalah sistem ketuanan Melayu. Mungkin tidak salah jika dikatakan yang gelaran Gugusan Kepulauan Melayu bergelar daripada zaman itu. Juga tidak keterlaluan jika disimpulkan bahawa *Peradaban Melayu* mula dikenal demikian dari zaman yang sama; biarpun tanah jajahannya pasang dan surut dalam pemerintahan yang berikutnya dari masa ke masa. Tidak boleh dinafikan bahawa seluruh gugusan pulau-pulau itu didiami oleh masyarakat rumpun Bangsa Melayu mulai Zaman Purba hinggalah sekarang.

**Peradaban Melayu** : Kajian ilmu alam, arkeologi, sejarah, serta kaji-hayat (DNA) dapat menjelaskan beberapa sifat peradaban kepulauan Melayu yang boleh dijadikan pedoman peradaban yang unik. Taburan pulau-pulau yang ditunjangi oleh Semenanjung Tanah Melayu yang menghulur daripada tanah besar benua Asia, serta lautan dan selat antaranya, pada

khatulistiwa yang panas dan lembab, menjana kehidupan yang amat segar dan kaya. Disinilah lahirnya alam-maya pelbagaian yang tiada bandingnya dimana-mana. Bertambah lagi dengan kestabilan bumi yang merentasi zaman berzaman, serta khazanah alam semulajadi yang amat berharga kepada kehidupan manusia. Maka timbullah sebuah peradaban rumpun Bangsa Melayu yang tiada sengketa antaranya.

Sesuai dengan kejadian alam demikian, maka lautan antara pulau menjadi laluan dan penyatuan bagi mereka. Masyarakat mereka menjadi suatu keluarga besar, dan kuasa serta budaya mereka berlandaskan " Tanah dan Air" yang sekaligus menyatu dan memisahkan mereka. Tiada sempadan bagi peradaban yang mereka alami bersama.

Begitu juga dengan selat dan arus lautan yang mereka alami bersama, menjadi kekuatan yang membolehkan mereka bersama berkembang minda mencapai daya-usaha untuk membangun masyarakat dan negeri. Ini pula ditambah dengan anugerah angin dan taufan berkala yang membawa cabaran dan kesegaran yang dinamik kepada peradaban mereka.

Beberapa sifat Peradaban Melayu telah timbul dan ketara. Yang jelas adalah *kepelbagaian dalam kesatuan (binnika tunggal ika)*, baik zahir mahu pun batin. Kekayaan alam maya di Gugusan Kepulauan Melayu menjadikan masyarakat Rumpun Melayu selesa dengan nilai-nilai kemanusiaan seperti murah hati dan simpati; yakin dan percaya kepada hari esok ( kebatinan dalam apa bentuk sekali pun ), tiada permusuhan antara mereka, dan tiada prasangka buruk; bebas merantau dari pulau-ke pulau, dan dari negeri ke negeri. Demikianlah halnya dengan *institusi transmigrasi* yang terlaksana dalam Peradaban Melayu. Maka biarpun Kerajaan mana memerintah, rakyat bebas merantau tanpa sekatan, melainkan dengan susila pada tempat yang didatangi. Pemandang demikian bukan orang asing, melainkan rakyat yang sama. Hubungan serumpun antara kerajaan amat dihargai. Oleh kerana itu, dan dengan penerimaan susila yang serupa itu, maka

pertelingkahan hanya berlaku apabila perbuatan yang 'biadab' berlaku; pada seseorang padahnya berat, kepada negeri padahnya adalah perang.

Dalam keadaan kekeluargaan maka timbullah sistem pemerintahan dimana penguasa diangkat oleh rakyat sendiri. Susunan masyarakat demikian, dengan sarana gotong-royongnya, telah mendukung kedaulatan, maruah, dan mertabat Bangsa Melayu. Pada kemuncak zamannya, Kerajaan Srivijaya sudah pun melaksanakan cara pemerintahan untuk memelihara keutuhan dan keselamatan negeri dan Bangsa dengan berlandaskan *persetujuan dan pilihan rakyat* bagi membentuk unsur-unsur Kerajaan. Banyak tanda-tanda sejarah yang menunjukkan bahawa Kerajaan demikian di Nusantara ini amat terbuka kepada penyertaan rakyat jelata. Mungkin kita boleh mengambil kesimpulan bahawa bibit-bibit "*rakyat berkerajaan*" (*indeginus democracy*) telah lahir dalam Peradaban Melayu di Nusantara sebelum abad pertama AD.

Sistem *indeginus democarcy* adalah satu himpunan unsur Peradaban Melayu Nusantara yang amat menarik yang perlu dikaji dan diberi perhatian segera. Beberapa cirinya telah pun muncul, seperti perundingan yang terbuka antara rakyat dan pemerintah atau oleh wakil-wakilnya. Balai atau Gedung Sidang dibina ditempat-tempat yang terpilih dimana pertemuan diadakan secara berpenggal dan teratur. Balai atau Gedung demikian tiada berdinding dan sesiapa saja boleh keluar-masuk atau mmengambil bahagian selain daripada ketua atau ibu-bapak yang dipersetujui oleh masyarakat atau Raja memerintah. Perundingan demikian diadakan bagi mencari sepakat tentang apa saja yang penting, seperti memulakan musim padi, menyelesaikan pertikaian masyarakat, atau perbalahan antara suku, atau mengistihar / mencanang pertabalan atau kemangkatan Raja.

**Penjelajahan Bangsa Melayu:** Dengan keadaan alam yang kaya, lautan dan badai yang merentasi Gugusan Kepulauan Melayu, maka tidak hairanlah

pelayar-pelayar Bangsa Melayu mempunyai ilmu pelayaran yang amat tinggi, terutama dengan membina kapal yang yang boleh merentas selat dan samudera yang dekat dan jauh. Terdapat kesan-kesan sejarah yang pelayar-pelayar Bangsa Melayu telah sampai kepada pulau-pulau Lautan Teduh dan Lautan Hindi, ke pelabuhan-pelabuhan di Semenanjung Arab, pantai timur benua Afrika dan Madagaska, ke Taiwan, Korea lama dan Jepun. Negeri China pula telah lama sebelum 300 AD mendatangi Nusantara setelah diperkenalkan oleh pelayar Melayu akan hasil lautan, bumi dan hutan seperti cengkeh, damar, rotan, loka, dll. Mulai zaman itu, telah terjalin Pelayaran Cengkeh dari Nusantara ke negeri-negeri China, India, Asia Barat, dan ke Afrika Timur dan Mesir; dan seterusnya ke arah pesisiran Lautan Tengah. Malah semenanjung Spanyol telah menegai hasil herba Nusantara apabila orang Islam menguasai negara itu.

Dengan kepelbagaian tumbuhan, dan kekayaan semula-jadi di hutan dan lautan Nusantara, maka pelayar-pelayar demikian telah mengenalkan barang-barang eksotika ke tempat-tempat demikian pada zaman purba sebelum 3,500 AD.

Dalam zaman Srivijaya, Majapahit dan Kesultanan Melaka pula, pedagang China menjadikan Nusantara sebagai pusat perdagangan dan penghijrahan. Malah pedagang China mula bertapak di Melaka dan menjadikan kota itu sebagai rangkaian Jalur Sutera dan cengkeh dari China ke Asia Barat.

Bukan saja perdagangan yang berlaku. Malah yang lebih kekal adalah percampuran suku-kaum Melayu dengan penduduk setempat membawa kepada penghijrahan serta perkembangan budaya dan bahasa Melayu ke perantauan, terutamanya ke Lautan Teduh. Oleh yang demikian Alam Melayu berkembang, menjadi lebih luas dan besar daripada Gugusan Kepulauan Melayu atau Nusantara.

**Hubungan Antarabangsa :** Ada tanda-tanda sejarah dan arkeologi yang

menyakinkan bahawa suatu sistem pemerintahan beraja, kira-kira 18,000 tahun sebelum AD, telah bertempat di wilayah Kedah sekarang ; dan tidak mustahil jika diramalkan yang kerajaan yang membenarkan pembukaan Lembah Bujang oleh orang Kalinga 1,500 sebelum AD adalah keturunan daripada Kerajaan Kedah kuno. Mungkin penyelidikan di Lembah Bujang dapat menunjukkan banyak perkara penting bahawa di Semenanjung Tanah Melayu telah wujud perhubungan bangsa dengan bangsa, dan negeri dengan negeri, bukan saja dengan China dan Kalinga, tetapi juga dengan negeri-negeri yang lebih jauh lagi.

Jelas bahawa hubungan bangsa dengan bangsa melalui pertukaran barang adalah titik permulakan. Ini pula disusul dengan pengaruh bahasa dan kepercayaan. Itulah yang berlaku dengan hubungan Bangsa Melayu dengan Bangsa Kalinga dan Gujarat sebelum penempatan berlaku di Lembah Bujang oleh orang Hindu. Tetapi masih samar-samar jika hubungan antara kerajaan dengan kerajaan telah berlaku pada zaman itu. Hanya kira-kira abad ke 3 AD dikatakan satu "armada" kapal dari benua India telah tampir di muara Sungai Muda untuk ke Srivijaya belayar di sebelah barat pulau Sumatra. Tetapi masih tidak jelas samada armada itu suatu " caravan " perdagangan atau convoy tentera kerajaan.

Lain pula halnya dengan hubungan kerajaan Srivijaya , Melaka, dan Brunei, mahu pun Champa, dan Langkasuka, dengan kerajaan China. Raja dan utusan mereka berkali-kali pergi atau dipanggil bertemu dengan Maharaja atau penguasanya atas urusan kerajaan antara abad ke-3 hingga abad ke-9 AD; dan juga utusan-utusan China melawat ke negeri-negeri Melayu di Nusantara dalam perjalanan ke India dan Sri Lanka.

Bagaimana pun hubungan antarabangsa demikian adalah untuk kepentingan bersama, baik politik, mahu pun perdagangan atau bahasa dan kebudayaan.

Lain pula hubungan Kerajaan dengan Kerajaan di Nusantara dengan tanah

jajahan mereka di Alam Melayu seperti di Champa dan Funan. Hubungan yang di kendalikan lebih bercorak persahabatan, persaudaraan, bahasa, dan budaya. Tiada yang tetap atau penguasaan yang berterusan. Begitulah halnya dengan suku Bangsa Melayu di Madagaska, Lautan Teduh, atau di Taiwan, atau Okinawa.

Seperti yang pernah ditulis oleh Prof. Dr. Zainal Wahid di UKM, jambatan yang paling kekal antara Kerajaan-Kerajaan Melayu di Nusantara dengan Bangsa dan Negara luar adalah Bahasa Melayu. Dan Bahasa itu mempunyai ciri-ciri dan konsep yang amat sesuai sebagai alat diplomasi antarabangsa, baik dalam tulisan Melayu kuno dan Pallava, mahu pun Jawi. Sifat demikian tumbuh daripada *Pandangan Hidup Bangsa Melayu (Malay Worldview)*, akibat daripada Peradaban Kepulauan/Nusantara.

Peradaban yang demikianlah yang membolehkan Nusantara terhindar daripada terikat dan terbelenggu oleh kuasa Indo-China zaman berzaman seperti di tanah besar Asia keutara. Jiwa dan minda terbuka, serta bebas, menjadi batu tunggak dan dinamika Peradaban Melayu Nusantara. Apabila nilai-nilai hidup universal yang dibawa oleh mubaligh Islam ke Nusantara, ia mudah diterima, dan menjadi penggerak kemajuan dan Pandangan Hidup Melayu yang lebih dinamik. Tak hairanlah Kerajaan Melayu dalam masa hanya 100 tahun telah dapat menyaingi kemajuan perdagangan di Venice setelah dalam abad ke 15. Minda Melayu sedia menerima pengaruh asing, sambil tetap berpegang kepada peradaban sendiri. Minda dan Peradaban Melayu Nusantara berdiri sehingga sekarang sebagai jaminan kepada perdamaian, kemajuan dan kemakmuran yang di Nusantara.

Zaman silam mulai timbul semula di Nusantara. Sekarang tunggak kedamaian, kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negara di Rantau Asia-Pasifik terletak pada pundak lima Negara Nusantara modern, iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Brunei dan Singapura (?).

---

Bacaan , a. l :

Prof. Dr. Shahrir Mohamad Zain : *Mendefinsikan Semuala peradaban Melayu*

Prof. Dr. Dato' Zainal Wahid :

Prof. Dato' Nih Hassan Suhaimi, dll. ATMA, UKM : *Alam Melaytu, Satu Pengenalan*

Mohd Arof Ishak : *Tamadun Alam Melayu*. PSM, 2009

Encyclopedia of Malaysia, Vol. 12 : *Peoples and Traditions*

Encyclopedia of Malaysia, Vol. 16 : *The Rulers of Malaysia*

Royal Album Publication : *The Malaysian Monarchy*

Shamsul A. B : *From British to Bumiputera Rule; ISEAS, 1986*

Ismail Noor & Muhd. Azaham : *The Malays, Par Excellence... Warts And All, Pelanduk, 2000*

Gavin Menzies : *1421, The Year China Discovered The World,2002*

Tan Sri Dato' Mohd. Yusof Hitam  
*Majlis Peradaban Melayu, Kuala Lumpur*  
1 Julai 2012